



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MALAYSIA'S AGRICULTURE VISION TO BE SHARED AT FORUM IN RUSSIA, NEWS, THE SUN -2 MAT SABU KETUAI DELEGASI KE RUSIA, NASIONAL, SH -9 MALAYSIA TEROKA PELUANG PRODUK HALAL DI KAZANFORUM 2023, NEGARA, KOSMO -5 MAT SABU AND DELEGATES ATTENDING KAZAN FORUM AT RUSIA, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12a MAT SABU RECEIVES RUSSIA'S MEDAL OF SPIRITUAL UNITY, NATION, CHINA PRESS -A7 MAT SABU TO SEEK EXPORTS OF MALAYSIAN AGRICULTURAL PRODUCTS TO RUSSIA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7. 8. 9. 10.	RUGI RM40,000 AKIBAT CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO -15 DURIAN KAMPUNG PONTIAN KURANG 'MENJADI' AKIBAT PANAS, NEGARA, KOSMO -16 CUACA PANAS: PETANI RUGI RM40,000, HASIL TANAMAN ROSAK, DALAM NEGERI, UM -31 CUACA PANAS CETUS PEMBIAKAN SERANGGA PEROSAK, NASIONAL, SH -11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	'EMAS HITAM' MERUBAH NASIB NELAYAN B40, NASIONAL, SH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	BELA LEMBU AMAT MENCABAR SEKARANG - PENTERNAK, NEGARA, KOSMO -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
13. 14.	AIR EMPANGAN MUDA MENYUSUT, DALAM NEGERI, UM -33 TIGA PERKARA ASAS UTAMA PADI MASIH BELUM SELESAI, DALAM NEGERI, UM -34	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15. 16.	CUACA PANAS: HASIL PADI SUNGAI BESAR DIJANGKA SUSUT 20%, DALAM NEGERI, UM -31 6,000 PESAWAH BIMBANG HASIL PADI MEROSOT, NASIONAL, SH -11	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
17.	NELAYAN KE LAUT AWAL ELAK PANAS TERIK, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
18. 19. 20.	HEATWAVE AFFECTING SALES OF DURIAN, SAY TRADERS, NEWS, THE SUN -3 MUSANG KING TURUN HINGGA RM20 SEKILO, NEGARA, KOSMO -16 HARGA LEMBU KORBAN CECAH RM1,100, NEGARA, KOSMO 1 & 2	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2023	THE SUN	NEWS	2

Malaysia's agriculture vision to be shared at forum in Russia

PUTRAJAYA: Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu will share Malaysia's vision of its agriculture sector when he participates in the 14th International Economic Forum, "Russia-Islamic World: Kazan Forum 2023", in conjunction with his working visit to Russia from May 15 to 23.

The Agriculture and Food Security Ministry in a statement yesterday said apart from delivering a speech at the Malaysia-Russia roundtable session to share the country's vision of the agricultural sector, Mohamad would also deliver a keynote speech at the plenary session at the Kazan Forum.

The Kazan Forum is an international event organised by the Russian government through the Tatarstan government since 2009 as a platform to strengthen cooperation between Russia and Islamic countries.

The ministry said Malaysia also has the opportunity to explore the potential to promote tropical fruits that are ready for export as well as introduce halal food products to Russia and the Organisation of Islamic Cooperation countries at the Russia Halal Expo 2023, which is one of the main programmes under the forum.

Mohamad is also scheduled to hold bilateral meetings with Russian Agriculture Minister Dmitry N. Patrushev in Moscow and Tatarstan Agriculture and Food Minister Marat Zyabbarov in Kazan to discuss agricultural cooperation between Malaysia and Russia by prioritising market access for Malaysian agricultural products to Russia. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Mat Sabu ketuai delegasi ke Rusia

PUTRAJAYA - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengetuai delegasi kementerian di dalam lawatan rasmi ke Rusia.

Menerusi lawatan selama sembilan hari bermula Isnin lalu, Mohamad akan menyampaikan ucapan pada sesi meja bulat Malaysia dan Rusia di Kazan Forum 2023 bagi memberikan gambaran serta menyatakan wawasan sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Kazan Forum merupakan acara antarabangsa yang dianjurkan Rusia melalui Republik Tatarstan sejak 2009 sebagai platform bagi memperkukuhkan kerjasama antara Rusia dengan negara Islam.

Sebagai pengiktirafan, pada 2022, Presiden Rusia, Vladimir Putin telah menaikkan taraf Kazan Forum sebagai acara

**KAZAN FORUM
2023**

tahunan utama peringkat antarabangsa yang melibatkan negara OIC.

Antara program utama di bawah Kazan Forum ialah Ekspo Halal Rusia 2023 yang melibatkan pameran dan promosi produk makanan halal di Rusia.

Melalui ekspo ini, Malaysia boleh meneroka potensi dan peluang mempromosikan buah-buahan tropika yang sedia dieksport serta memperkenalkan produk makanan halal bukan sahaja kepada Rusia malah kepada negara OIC yang turut menyertai Kazan Forum 2023.

Di samping itu, Mohamad juga akan menyampaikan ucap tama pada sesi plenari forum tersebut dengan tema Teras Ekonomi: Kerjasama antara Rusia dan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).



Mohamad (lima dari kanan) bersama pegawai kanan kementerian berlepas ke Moscow bagi menyertai lawatan rasmi ke negara itu pada Isnin lalu.

Malaysia teroka peluang produk halal di KazanForum 2023

PUTRAJAYA – Malaysia akan memanfaatkan sepenuhnya platform KazanForum 2023 yang dijadual berlangsung di Russia bermula sejak 15 Mei lalu hingga 23 Mei ini bagi mempromosikan buah-buahan tropika dan produk makanan halal.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, KazanForum 2023 adalah acara tahunan peringkat antarabangsa dianjurkan Russia dengan penyertaan negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Ujar beliau, antara program utama di bawah KazanForum 2023 ialah Ekspo Halal Russia 2023 yang melibatkan pameran



MOHAMAD (lima dari kanan) bersama delegasi MAFS berlepas ke Russia pagi semalam bagi menyertai program KazanForum 2023.

dan promosi produk makanan halal.

"Melalui ekspo ini, Malaysia boleh meneroka peluang mem-

promosi buah-buahan tropika yang sedia dieksport dan mem-

perkenal produk makanan halal. "KazanForum adalah acara antarabangsa dianjurkan Russia melalui Kerajaan Republik Tatarstan sejak 2009 sebagai platform bagi memperkukuhkan kerjasama antara Russia dengan negara-negara Islam," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Mohamad bersama delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) berlepas ke Russia semalam bagi menyertai program itu.

Mohamad juga dijadual berucap pada sesi meja bulat Malaysia dan Russia bagi memberi gambaran dan menyatakan wawasan sektor pertanian dan keterjaminan makanan Malaysia.

Headline	Mat Sabu and delegates attending Kazan Forum at Russia		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	18 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A12a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,112



末沙布周一起访俄罗斯 率代表团出席喀山论坛

【布城 17 日讯】农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布由本周一起至本月 23 日，率领大马代表团对俄罗斯联邦展开为期 9 天的工作访问。

农业部今日发文告说，末沙布和代表团将在访问期间出席第 14 届国际经济论坛“俄罗斯 - 伊斯兰世界：2023 年喀山论坛”。

文告指出，末沙布将在大马和俄罗斯圆桌会议上致词，以概述并表明大马农业领域的宏愿和粮食安全。

“此外，部长也将在上述论坛的全体会议中，发表主题演讲。”

文告提到，末沙布也将在工作访问期间，分别在莫斯科和喀山，与俄罗斯农业部长帕特鲁舍夫和鞑靼斯坦农业及食品部长扎巴洛夫，举行双边会谈。

它说，上述会谈旨在讨论大马和俄罗斯之间的农业合作，以及优先考虑让大马农业产品进入俄罗斯市场。

喀山论坛是俄罗斯政府自 2009 年以

来，通过鞑靼斯坦共和国政府举办的国际活动，以作为加强俄罗斯与回教国家合作的平台，而今年的主题是“经济核心：俄罗斯与回教合作组织（OIC）国家的合作。”

喀山论坛已于 2022 年升级为俄罗斯主办的主要年度国际活动，以及参与者是伊斯兰教合作组织的成员国。

文告提到，此次论坛的主要活动是 2023 年俄罗斯清真博览会，以在俄罗斯展出和推广清真食品。

“大马可通过此博览会，探索机会推广热带水果出口，并向俄罗斯和伊斯兰合作组织成员国介绍清真食品。”#



末沙布获颁“团结精神勋章”。

末沙布获颁“团结精神勋章”

出访俄罗斯的农业与粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布，获颁“团结精神勋章”。

莫哈末沙布今日在官方

脸书撰文说，俄罗斯联邦宗教司兼穆斯林领袖精神委员会主席拉维尔盖尼特丁，是在今日（当地时间 5 月 16 日）颁授上述勋章。

末沙布的俄罗斯之行，除了提升穆斯林团结，也放眼加强大马与俄罗斯在各个领域的合作，包括农业、粮安与清真工业。#

Headline	Mat Sabu receives Russia's Medal of Spiritual Unity		
MediaTitle	China Press		
Date	18 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A7	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	160 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,156
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,468



（吉隆坡17日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布出访俄罗斯时，获颁“团结精神勋章”。

莫哈末沙布今日在官方面子书撰文说，俄罗斯联邦宗教司兼穆斯林领袖精神委员会主席拉维尔盖尼特丁，是在今日（当地时间5月16日）颁授上述勋章。

部长是从本周一起至本月23日，率领大马代表团对俄罗斯联邦展开为期9天的工作访问。此行除了提升穆斯林团结，也放眼加强大马与俄罗斯在各个领域的合作，包括农业、粮安与清真工业。

农业部发文告说，部长和代表团

率團訪俄羅斯 末沙布獲頒團結精神勳章

将在访问期间出席第14届国际经济论坛“俄罗斯-伊斯兰世界：2023年喀山论坛”，部长将在论坛的全体会议中，发表主题演讲，并会在大马和俄罗斯圆桌会议上致词。

文告提到，莫哈末沙布也将在工作访问期间，分别在莫斯科和喀山，与俄罗斯农业部长帕特鲁舍夫和鞑靼斯坦农业及食品部长扎巴洛夫，举行双边会谈，以讨论大马和俄罗斯之间的农业合作，以及优先考虑让大马农业产品进入俄罗斯市场。



给莫哈末沙布。
拉维尔盖尼特丁（左）颁发「团结精神勋章」

Headline	Mat Sabu to seek exports of Malaysian agricultural products to Russia		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	18 May 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,245
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,735



末沙布访俄罗斯 将争取大马农产品出口

(布城 17 日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布从本周一起至本月 23 日，率领大马代表团对俄罗斯联邦展开为期 9 天的工作访问。

农业部今日发文告说，末沙布和代表团将在访问期间出席第 14 届国际经济论坛“俄罗斯-回教世界：2023 年喀山论坛”。

文告指出，末沙布将在大马和俄罗斯圆桌会议上致词，以概述并表明大马农业领域的宏愿和粮食安全。

“此外，部长也将在上述论坛的全体会议中，发表主题演讲。”

文告提到，末沙布也将在工作访问期间，分别

在莫斯科和喀山，与俄罗斯农业部长帕特鲁舍夫和鞑靼斯坦农业及食品部长扎巴洛夫举行双边会谈。

它说，上述会谈旨在讨论大马和俄罗斯之间的农业合作，以及优先考虑让大马农业产品进入俄罗斯市场。

喀山论坛是俄罗斯政府自 2009 年以来，通过鞑靼斯坦共和国政府举办的国际活动，以作为加强俄罗斯与回教国家合作的平台，而今年的主题是“经济核心：俄罗斯与回教合作组织 (OIC) 国家的合作。”

喀山论坛主打清真食品

喀山论坛已于 2022 年升级为俄罗斯主办的主

要年度国际活动，以及参与者是回教合作组织的成员国。

文告提到，此次论坛的主要活动是 2023 年俄罗斯清真博览会，以在俄罗斯展出和推广清真食品。

“大马可通过此博览会，探索机会推广热带水果出口，并向俄罗斯和回教合作组织成员国介绍清真食品。”



拉维尔盖尼特丁（左）和末沙布会面。

Kebun Kerang Lekir di Perak mengeluarkan 322 tan kerang bernilai RM3.7 juta pada tahun 2022

'Emas Hitam' merubah nasib nelayan B40

MANJUNG

Ketika masih ramai lagi sedang lena diulit mimpi, Mohd Salleh Yunus pula menjadikan rutin untuk bangun seawal jam 3 pagi untuk bergerak ke 'kebun' kerang di perairan Lembah Lekir bagi menyauk 'emas hitam' yang menjadi sumber rezeki utamanya sejak tiga tahun lepas.

Dengan hanya berbekalkan sampan serta tangkuk bergalah atau kor bagi menyauk kerang, lelaki berusia 57 tahun ini mahu segera sampai ke kebun seluas kira-kira 21 hektar yang terletak sejauh tiga kilometer atau lima minit perjalanan dari Jeti Kuala Kayan bagi menyelesaikan tugas hariannya itu sebelum matahari naik dan air laut mula surut.

Sebaik sampai, bapa kepada enam orang anak ini terus membenamkan kor dari atas sampan untuk menyauk kerang di 'kebun' yang diusahakan bersama tujuh rakannya, berbekalkan kemahirannya menggunakan teknik pusingan.

Mengakui bukan tugas mudah menaikkan kerang memandangkan hanya saiz tertentu yang dapat disauk menggunakan peralatan berkenaan, Mohd Salleh yang berpengalaman selama hampir 25 tahun sebagai nelayan, mampu mendapat hasil kira-kira dua tan kerang setiap kali turun menyauk bersama rakan-rakan lain.

"Permintaan kerang sentiasa ada bahkan saya tidak susah menjualnya kerana peraih, pemilik restoran sudah ada di jeti untuk membeli hasil yang diperoleh. Kerana itu, saya perlu menyauk dengan cepat sebelum air



Albert menunjukkan kerang di Jeti Kuala Kayan. Projek Kebun Kerang Lekir adalah antara yang terbesar di negara ini.

surut disebabkan peraih dan peminat kerang sudah menunggu di jeti seawal 8 pagi.

"Hasil kerang boleh dijual pada harga RM8 sekilogram (bergantung pada permintaan) dan sebulan saya boleh memperoleh pendapatan bersih kira-kira RM2,800 dengan hanya hasil jualan kerang dari kebun yang diternak ini tanpa perlu menjangir ikan," katanya kepada Bernama.

Kais pagi makan pagi

Sambil menarik nafas lega dan melepaskan pandangannya jauh ke tengah laut, kehidupan lelaki berkulit sawo matang berasal dari Teluk Intan sebelum ini sebenarnya tidaklah selesa sebagaimana yang dinikmati ketika ini.

Boleh diibaratkan seperti 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', pendapat-

annya sebelum ini sebagai nelayan paling tinggi pun hanyalah sekitar RM1,000 lebih sebulan, namun semuanya mula berubah sebaik beliau menyertai projek pembiakan dan penternakan kerang yang dikendalikan Jabatan Perikanan Negeri Perak.

Dinamakan Kebun Kerang Lekir, projek ini memberi manfaat kepada golongan B40 nelayan pantai sekitar kawasan tersebut menggunakan kaedah penandaan lot mesra pukat hanyut. Projek ini adalah sebahagian daripada pelan Lembah Makanan Lekir dengan melibatkan penempatan kawasan seluas 4,538 hektar perairan Lekir.

Ketika ditanya bagaimana boleh terlibat dalam projek itu, Mohd Salleh berkata, semuannya tidak berlaku apabila beliau mendapat bantuan serta latihan daripada Jabatan Pertanian untuk memternak kerang dengan lebih sistematis sehingga memperoleh pendapatan stabil dan tetap.

Beliau yang juga penternak



Nelayan pantai, Mohamad Mohamed Idris, 48, menyauk kerang di kebun kerang miliknya di perairan Lembah Lekir.

udang di perairan Lekir, mengakui tidak menyesal menyertai projek ternakan kerang yang berjaya membantu meningkatkan dan menstabilkan pendapatan bulannya sebanyak RM7,000.

Nelayan B40

Bagi Projek Kebun Kerang Lekir, peserta disyaratkan daripada golongan nelayan B40 berusia 18 tahun ke atas. Mereka akan diberi kursus pengurusan ternakan kerang selama sehari sehingga tiga hari merangkumi taklimat teori, demonstrasi mengutip, menggred dan mencuci kerang.

"Sebelum ini, apabila ada benih kerang di gigi-gigi laut, adalah hasil... tapi jika tiada, memang keringlah pendapatan pada bulan itu dan terpaksa bergantung dengan hasil menjangir ikan. Tetapi, tidak lagi selepas menyertai projek tersebut.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada Jabatan Perikanan. Pelbagai peralatan, ilmu memternak kerang diberikan kepada kami yang secara tidak langsung meringankan beban nelayan di sini untuk membeli peralatan bagi mencari rezeki dengan kerang," katanya.

Mengulas mengenai projek kebun kerang, Timbalan Pengarah Perikanan Negeri Perak, Albert Apollo Chan berkata, projek itu adalah antara yang terbesar di negara ini de-

ngan hasilnya mampu menampung lebih sebahagian daripada keperluan Semenanjung Malaysia.

"Selain diberi kursus, peserta turut dilengkapi dengan lesen memternak dan mengutip benih kerang serta peralatan yang diluluskan," katanya yang turut memberitahu, setiap lot jika diusahakan secara konsisten dan mengikut prosedur amalan yang betul boleh menghasilkan pendapatan sehingga RM1 juta setahun.

Menurut Albert, projek kerang Lekir banyak membantu nelayan pantai di kawasan berkenaan yang sebelum ini sering bergelut dengan masalah pendapatan tidak stabil khususnya ketika musim tengkujuh.

Perairan Lekir merupakan antara lokasi terbaik dan sesuai di negara ini untuk pembenihan kerang dan menghasilkan kerang premium. Kerang yang dihasilkan di perairan ini boleh mencapai saiz sehingga 45 milimeter (mm) manakala benihnya boleh mencapai mutu terbaik berikutan kualiti air dan kesesuaian suhu kawasan tersebut.

Pada tahun 2022, pengeluaran kerang daripada Kebun Kerang Lekir adalah berjumlah 322 tan metrik yang bernilai RM3.7 juta.

Bagi pengeluaran benih kerang pula pada tahun 2021, hasil pengeluaran mencecah 499 tan metrik bernilai RM11.5 juta.

Kebun Kerang Lekir pada tahun 2020 pernah mencatat pengeluaran benih kerang tertinggi iaitu 1,202 tan metrik.



Kerang yang dikutip akan dibersihkan di Jeti Kuala Kayan sebelum dijual kepada peraih atau peminat kerang yang sudah sedia menunggu seawal jam 8 pagi.

Air Empangan Muda menyusut

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my


SIK: Paras air di Tasik Gubir, Empangan Muda di sini yang menjadi antara sumber air bagi kegunaan domestik dan pertanian mengalami penyusutan ketara dipercayai akibat cuaca panas pada musim kemarau ketika ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di tasik berkenaan mendapati, dasar tasik yang sebelum ini digenangi air menampakkan batuan selain bot-bot nelayan darat Tasik Gubir juga semakin ke tengah berbanding kedudukan asal bot itu ditambah.

Difahamkan, paras air yang sebelum ini berada di tebing tasik terbabit kini mengunjur kira-kira 20 meter ke bahagian tengah tasik disebabkan musim kemarau yang berpanjangan.

Sementara itu, semakan di portal MyWater Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melaporkan status Empangan Muda di tasik itu berada pada paras waspada.

Mengikut portal itu, aras storan normal di empangan tersebut adalah 100.60 meter dan aras empangan yang dicatatkan setakat pukul 10 pagi hari ini adalah 95.01 meter dengan baki storan semasa adalah 51.25 peratus.



PARAS air di pintu Empangan Muda surut sehingga paras waspada berikutan musim kemarau dan cuaca panas yang berpanjangan di Gubir, Sik, Kedah. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Pada 10 Mei lalu, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) selaku pengendali Empangan Muda memaklumkan kapasiti takungan terkini di situ adalah 55 peratus yang mencukupi dan mampu menampung keperluan sumber air pengairan bagi penanaman padi Musim 1/2023.

Malah, aliran air yang masuk ke takungan Empangan Muda itu juga disalurkan ke Empangan Pedu melalui Terowong Salong

air di Sungai Muda yang kering disebabkan kerosakan di pintu baraj lembangan sungai itu.

“Tetapi sebagai nelayan situasi ini tidak terlalu menjejaskan kami, cuma dari segi cuaca kami perlu berhadapan keadaan panas dan haba yang kuat ketika keluar menangkap ikan setiap hari, tetapi ini pekerjaan kami. Mahu tidak mahu memang kena lakukan selagi ada kudrat,” katanya ketika ditemui semalam.

Selain musim kemarau, kami difahamkan air daripada empangan ini turut dilepaskan untuk menampung penyusutan

Teknologi moden berkesan jika tanah subur dan pengairan baik

Tiga perkara asas utama padi masih belum selesai

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Kegagalan kebanyakan pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) merangkumi Kedah dan Perlis yang masih sukar meningkatkan hasil padi adalah kerana isu membabitkan tiga perkara asas utama yang gagal diselesaikan sepenuhnya.

la melibatkan isu tanah yang elok dan subur, sistem pengairan serta amalan pertanian yang baik.

Justeru, jika tiga perkara asas utama tersebut masih gagal diselesaikan dengan penggunaan teknologi moden atau baharu dalam pertanian sekali pun, ia tidak akan berkesan membantu meningkatkan hasil padi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzuki berkata, teknologi atau pementan pertanian sememangnya penting dalam memudahkan urusan pesawah menguruskan tanaman padi namun dalam masa sama, kerajaan, agensi dan petani sendiri tidak boleh meletakkan faktor tersebut sebagai antara kaedah meningkatkan hasil.

Katanya, tanaman di Sekin-



TEKNOLOGI moden dalam pertanian perlu diselarikan dengan tiga asas utama dalam membantu meningkatkan hasil padi iaitu bergantung kepada tanah yang elok dan subur, sistem pengairan yang baik dan amalan pertanian yang betul. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

chan, Selangor yang dikatakan menghasilkan tujuh sehingga 11 tan metrik padi per hektar bu-

kan terletak pada penggunaan jenteram padi atau dron yang terkini, namun, memerlukan tiga asas utama tersebut iaitu tanah yang elok dan subur, sis-

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dapat cipta benih yang boleh bagi ha-

sil 12 tan metrik hasil per hektar sekali pun, namun petani tidak akan mampu mendapatkan hasil serupa jika pada musim itu bekalan air bermasalah.

Heatwave affecting sales of durian, say traders

► Scorching weather, exorbitant prices discouraging customers from indulging in 'king of fruits'

■ BY THARANI NAIR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: As the heatwave persists, durian sales have taken a hit, with sellers experiencing a decline in demand.

Known for its distinct smell and creamy texture, the fruit is usually high in demand from May to August. However, with the prevailing heatwave in the country, customers have been prioritising their health over their craving for the "king of fruits".

Durian seller Leron Yee, who is in his 40s, who operates his business in SS2 here, noted that there were more foreigners than locals among his customers.

"Perhaps, the heatwave has deterred many locals from visiting my stall. The few who do come have considerably reduced their consumption."

"However, business has not been too affected since the foreigners, who have developed a fondness for durians, have

compensated for the decline in local customers."

Yee added that generally, there are fewer customers in the afternoons.

"With the heatwave intensifying at this time, it becomes unbearable no matter how much water one drinks. So, it is understandable."

"But in the evenings, the number of customers to my stall increases, compensating for the slow afternoon period, and I sell a fair number of durians."

Yee noted that the current price of durians is still high, but anticipates a significant drop in around two weeks.

"It is still the start of the season, so the prices are relatively high. However, during the peak season, production will increase, resulting in a drop in prices."

"For example, Musang King costs RM45 to RM50 and above per kg as it is not in season now. However, during the peak season, the price can fall to between RM30 and RM35 per kg."

Yee revealed that he orders around 1.5 tonnes of various durian varieties daily.

Durian lover Peter Ban Chun Ker, 34, shared that his enjoyment of eating durians has been dampened lately by the ongoing heatwave.

"The heatwave has reduced my desire for durian. Previously, I used to indulge at least twice a week."

"Nowadays, even eating them once is unbearable as it is too heavy. My body cannot cope because of the sweltering weather."

Another durian enthusiast, who prefers to be known only as Banu, 58, said the high price of durians often makes her think twice before buying.

"At my age, I cannot consume as much as I used to when I was younger. But I still indulge occasionally. With prices being so exorbitant, I am not sure whether I should buy the fruit now or wait until there is a glut and the prices are lower."

"I hope the heatwave will end soon and all Malaysians can enjoy durians at lower prices. I am not the only one who loves durians, my family loves them too, and we are waiting for the prices to drop."

"But, considering how hot it is, we have to be careful about how much durians we consume," she cautioned.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2023	KOSMO	NEGARA	15

Tanaman cili, terung diusahakan seorang petani banyak terbantut, rosak

Rugi RM40,000 akibat cuaca panas

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

DUNGUN – Cuaca panas yang melanda negara pada masa ini telah menyebabkan tanaman cili dan terung yang diusahakan seorang petani di sini, terbantut dan banyak mengalami kerosakan.

Mohd. Nor Besar, 45, berkata, setakat ini, kerugian yang dialaminya sudah hampir mencecah RM40,000.

Menurutnya yang mengusahakan tanaman fertigasi berkata, lebih 1,000 pokok cili dan 500 pokok terung di kebunnya seluas lebih satu hektar kurang menjadi akibat faktor cuaca panas.

"Keadaan bahang panas ini menyebabkan banyak pokok cili dan terung saya mati dan tidak membesar dengan baik.

"Hasilnya juga terbantut berbanding saiz normal menyebabkan kan sukar dipasarkan," katanya ketika ditemui di kebun sayurnya di Kampung Durian Mentangau di sini semalam.



MOHD. NOR menunjukkan pokok cili yang mati akibat cuaca panas di kebunnya di Kampung Durian Mentangau, Dungun semalam.

Katanya, cuaca panas juga menyebabkan hanya 20 peratus hasil pertaniannya dapat dituai ber-

banding lebih enam tan cili dan tiga tan terung dalam tempoh kitaran tiga bulan sebelum ini.

Dia yang sudah menceburi bidang pertanian sejak 18 tahun lalu memberitahu, bahang panas

pada masa ini juga telah meningkatkan risiko serangan serangga pada tanaman.

"Lebih memburukkan keadaan, air dari telaga tiub yang disalurkan ke kawasan kebun saya untuk siraman bertukar menjadi berasid dan masam kerana berdekatan dengan paya.

"Saya terpaksa merawat air semula kerana banyak pokok yang sudah mati akibat tidak tahan dengan asid air tersebut," katanya.

Katanya, dia amat risau kerana cuaca panas disebabkan fenomena El Nina ini dijangka bakal berlarutan sehingga bulan Oktober depan.

"Pentaga pasar di sekitar daerah ini dan Kemaman sudah mula menolak terung dan cili diusahakan saya kerana saiz tidak menetapi kehendak pasaran.

"Saya terpaksa menawarkan hasil pertanian kepada peniaga kedai makan dengan harga murah bagi mengelak kerugian lebih besar," katanya.

Durian kampung Pontian kurang 'menjadi' akibat panas



AZMI (tengah) menunjukkan buah durian di kebun miliknya kurang menjadi ekoran cuaca panas di Kampung Melayu Raya. Pontian semalam.

PONTIAN – Pemilik dusun durian di daerah ini resh apabila banyak bunga raja buah itu yang berputik gugur berikutan keadaan cuaca panas dan hujan pada masa ini.

Seorang pemilik dusun, Azmi Mohamed, 52, berkata, dusun durian miliknya dan keluarga seluas 4.4 hektar tidak berbuah sepenuhnya kerana banyak bunganya gugur.

"Faktor hujan lebat (berlebat) dan cuaca panas menyebabkan banyak bunga durian gugur dan ditanggalkan hanya 30 peratus daripada 140 pokok durian 'lekat' berbanding tahun lalu,"

"Situasi ini seperti telah ditur (dusun) oleh Allah meman-

angkan saya akan menamatkan hujah bersama iserti Jun ini dan kembali pada awal Ogos nanti.

"Semasa ketidadaan saya, urusan menjual dusun termasuk mengutip dan menjual durian dilakukan oleh ahli keluarga.

Pembeli biasanya akan terus ke rumah," katanya ketika ditemui di Kampung Melayu Raya di sini semalam.

Seorang lagi pemilik dusun, Jais Munaseri, 51, dari Kampung Paya Embun, Pekan Nanas di sini, pula berkata, pada musim ini, buah durian di kebunnya kurang 'menjadi' kerana tidak semua 30 pokok durian berbuah lebat seperti sebelum ini.

Katanya, dia pun tidak

menyengka faktor cuaca teramatna hujan lebat dilambui dengan kedatangan musim panas ketika ini menyebabkan banyak bunga durian gugur sebelum menjadi putik.

"Pada tahun-tahun sebelum ini, pokok-pokok durian saya mampu mengeluarkan kira-kira 5,000 biji," ujarnya.

Menurut Jais, pendapatan yang diraih oleh pemilik dusun pada setiap tahun merupakan 'bonus' memandangkan banyak perbelanjaan dikeluarkan bagi membeli baja serta penajaan pokok.

Katanya, pada tahun ini pendapatan daripada hasil jual durian akan berkurangan.

Pengusaha kebun sepatat turunkan harga, beri peluang pelanggan rasai raja buah

Musang king turun hingga RM20 sekilo

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Para penggemar durian premium kini boleh menarik nafas lega selepas harga durian jenis duri hitam (black thorn) dan musang king dijangka turun hingga RM20 sekilogram dalam masa seminggu dua ini.

Ini berikutan pengusaha kebun durian di Balik Pulau dekat sini, dikatakan sepatat untuk berbuat demikian bagi memberi peluang kepada 'kaki' durian Balik Pulau merasai kenikmatan sebenar hasil buah keluatan tempatan itu tahun ini.

Harga semasa bagi duri hitam adalah RM50 sekilogram, musang king (RM65), kacang hijau (RM30), mas dan lipan pula RM33, manakala D904 dijual pada harga RM24.

Seorang pengusaha durian yang mahu dikenali sebagai Brian berkata, isu kenaikan harga durian oleh pelanggan sering dibangkitkan dalam mesyuarat bersama pemilik-pemilik dusun sebab tiba musim durian pada setiap tahun.

Menurutnya, pada tahun ini, hasil perbincangan, ramai memutuskan untuk menurunkan harga bagi kesemua jenis durian, selain dijamin tidak bertaku sebarang kenaikan sehingga habis



MOHD. HILMI menunjukkan buah durian premium di sebuah kebun di Balik Pulau semalam.

musim hujung tahun ini.

"Setiap kali mesyuarat, kami dapat banyak rungutan daripada pelanggan berhubung harga durian yang sentiasa naik dan tak pernah turun sejak pengusaha mengeksport buah itu ke China sejak 2018.

"Tahun ini, pengusaha durian sedaya upaya mahu turunkan harga durian bagi meringankan bebanan pengguna terutama

penggemar durian.

"Saya yakin, kali ini semua orang dapat rasai durian Balik Pulau dan tidak teragak-agak untuk membelinya walau hanya sebilang bagi durian premium," katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Ujarnya, tahun ini, harga pasaran durian duri hitam dari pada peringkat pembekal adalah RM60 sekilogram, berbanding

RM85 tahun lalu, musang king dari RM75 kini dijual RM60 sekilogram, manakala udang merah dan hor lor dijual RM28, penurunan hingga RM14.

Sementara itu, seorang peniaga durian, Mohd. Hilmi Che Rose, pula memberitahu, penurunan harga durian dijangka berlaku dalam tempoh tujuh hingga 10 hari lagi mulai minggu ini.

"Ini kerana, ketika itu banyak

buah yang sudah luruh dan ada di pasaran. Buat masa ini, permintaan terhadap buah durian makin tinggi, tetapi buah pula yang tak banyak turun lagi.

"Untuk permulaan, harga buah masih kekal seperti tahun lalu dan harga mungkin turun dalam masa tujuh hingga 10 hari lagi," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Hilmi berkata, keputusan penurunan harga dibuat selepas pihaknya memahami keadaan ekonomi semasa ketika ini terutama dalam kalangan pengguna dan peminat durian tempatan.

"Ia dapat sambutan menggalakkan dalam kalangan pelanggan luar seperti dari Johor, Kuala Lumpur, Kedah dan Perak terutama pada hujung minggu.

"Pelanggan di Pulau Pinang masih kurang membeli durian mungkin kerana mereka menunggu gaji hujung bulan, selain banyak wang dikeluarkan semasa Aidilfitri," katanya yang baru memulakan operasi perniagaan di gerai YB Durian, Balik Pulau sejak lima hari lalu.

Jelasnya lagi, kira-kira 300 hingga 400 kilogram (kg) buah durian pelbagai jenis sudah laris dijual terutama hujung minggu, manakala hari biasa dianggarkan sebanyak 100 hingga 200 kg.

18/5/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Cuaca panas: Petani rugi RM40,000, hasil tanaman rosak

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

DUNGUN: Cuaca panas yang melanda negeri ini meresahkan seorang petani di Kampung Durian Mentangau dekat sini, apabila tanaman cili dan terung yang diusahakannya rosak dan terbantut.

Mohd. Nor Besar, 45, yang mengusahakan tanaman fertisasi berkata, dia kerugian kira-kira RM40,000 apabila lebih 1,000 pokok cili dan 500 pokok terung yang diusahakannya di kawasan seluas lebih satu hektar kurang subur dan mati.

"Cuaca panas ini menyebabkan banyak pokok cili dan terung yang mati. Ada yang dapat dituai, tetapi saiznya terbantut berikutan pokok tidak membesar dengan baik.

"Pokok terung juga banyak yang mati. Saya memang pening memikirkan apa nasib saya selepas ini," katanya ketika dite-



MOHD. Nor Besar menunjukkan sebahagian pokok cilinya yang terbantut akibat cuaca panas di Kampung Durian Mentangau, Dungun, Terengganu, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

mui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Mohd. Nor berkata, akibat cuaca panas dari 32 hingga 34 darjah Celcius, hanya 20 peratus tanamannya yang dapat

dituai berbanding kebiasaannya lebih enam tan cili dan tiga tan terung dalam tempoh tiga bulan.

"Saiz cili dan terung menjadi kecil dan tidak membesar de-

ngan saiz yang sepatutnya. Banyak juga pokok yang mati dan terpaksa dibuang dan bahang panas ini juga meningkatkan serangan serangga," katanya.

Beliau yang mengusahakan tanaman itu sejak 18 tahun lalu berkata, cuaca yang panas menyebabkan air dari telaga tiub yang disalurkan ke kawasan kebunnya untuk siraman bertukar menjadi asid dan masam berikutan lokasi kebunnya berdekatan dengan paya.

"Asid air tersebut yang menjejaskan akar tanaman saya hingga banyak pokok yang mati dan saya terpaksa buang pokok yang mati," katanya.

Mohd. Nor berkata, dia kini terpaksa mengambil inisiatif merawat semula air daripada telaga tiub sebelum menggunakan air tersebut untuk menyiram tanamannya.

"Apabila cili dan terung tidak membesar dengan elok, memang agak sukar untuk dipasarkan," ujarnya.

Cuaca panas: Hasil padi Sungai Besar dijangka susut 20%

SABAK BERNAM: Hasil tanaman padi seramai 6,000 pesawah di Sungai Besar di sini dijangka menyusut lebih 20 peratus akibat cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Ia antaranya berpunca sumber air terhad yang menyebabkan padi kekurangan berat selain faktor serangan serangga penyakit padi dan serangan perosak.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar, Sallehuddin Mohd. Iskan berkata, pesawah kebiasaannya akan memperoleh hasil pengeluaran padi antara sembilan sehingga 10 tan metrik.

Namun, katanya, cuaca panas kini mengakibatkan pesawah di kawasan berdekatan di sekitar Tanjung Karang hanya mengutip hasil lapan tan.

"Justeru, kita menerima rungutan pesawah yang bimbang keadaan sama berlaku ketika musim tuaian dalam tempoh terdekat.

"Faktor cuaca itu sememangnya tidak dapat dielak dan diharap sumber air akan mencukupi bagi menghasilkan padi berkualiti dan lebih berat," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri PPK itu di Sungai Besar, semalam.

Jelas Sallehuddin, kawasan padi di Sungai Besar berkeluasan 6,000 hektar meliputi mukim Panchang Bedena, Sungai Panjang dan sebahagian mukim Pasir Panjang.

"Masalah penyusutan pendapatan pesawah dialami sejak 14 musim tuaian atau tujuh tahun lalu berpunca akibat penyakit. Namun, cuaca panas ketika ini menambah kesulitan sedia ada dan berharap kerajaan dapat membantu bagi menyelesaikan isu berkenaan," ujarnya.

Nelayan ke laut awal elak panas terik

PASIR PUTEH: Lebih 30 nelayan sampan pesisir Pantai Semarak di sini terpaksa turun awal ke laut berikutan cuaca panas 'melampau' sejak empat bulan lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan, Ar-buzi Awang, 30, berkata, suhu di tengah laut sering mencecah 40 darjah celsius menguji kesabaran dan kudrat nelayan yang sebelum ini memang lasak dan tahan dengan cuaca panas.

Menurutnya, semua sampan kini terpaksa diubah suai dengan memasang pukat hitam penghadang cahaya bagi mengelakkan kepanasan matahari.

"Dahulu kami mula memukat ikan di sekitar satu kilometer dari pantai bermula pukul 8 pagi sebelum kembali ke daratan pada pukul 1 petang.

"Sejak kebelakangan ini jadual kerja berubah bermula selepas Subuh dan kembali bersama tangkapan ikan pada pukul 10 atau 11.30 pagi yang cuacanya sudah terik dan panas," katanya ketika ditemui di Pantai Semarak, di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Ismail Awang, 44, berkata, bekalan



BEBERAPA nelayan melakukan kerja-kerja mengasinkan ikan tamban dari pukat di pesisir Pantai Semarak, Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

air minuman sering tidak mencukupi berbanding sebelumnya kerana kerap berpeluh dan cepat dahaga.

Katanya, langkah ke laut lebih awal membolehkan ikan tamban yang banyak pada

musim ini tetap mencukupi permintaan pengusaha ikan kering.

"Kepanasan mula dirasakan bermula pukul 10 pagi lagi yang menghalang keupayaan nelayan berada di tengah laut dalam

tempoh yang lama. Paling lama kami memukat ikan untuk tempoh empat jam sahaja.

"Satu jam lagi digunakan untuk membuang ikan dari pukat. Kami menggunakan pukat hitam sebagai peneleh," katanya.

HARGA LEMBU KORBAN CECAH RM1,100

**Penternak beri
alasan kos makanan,
ubat-ubatan meningkat**

Oleh MUHAMMAD AYMAM GHAFFA,
TENGKU DANISH BAHRI TENGKU
YUSOFF, MUHAMMAD ZIKRI dan
NURUL IRDINA SUMALI

PETALING JAYA – Umat Islam yang berhasrat untuk menyertai ibadah korban pada tahun ini perlu mengeluarkan belanja lebih ekoran kenaikan harga haiwan ternakan mencecah sehingga RM1,100 untuk

satu bahagian.

Kenaikan sehingga 25 peratus itu didorong oleh pelbagai faktor seperti peningkatan kos operasi dan penjagaan rapi haiwan ekoran cuaca panas ketika ini.

Pada tahun lalu, harga lembu korban di kebanyakan tempat adalah antara RM750 hingga RM850 untuk satu bahagian.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Harga lembu korban cecah RM1,100

DARI MUKA 1

Di Kuala Nerus, Terengganu, penternak, Abd. Mutalib Dzulkifli, 36, berkata, kenaikan harga lembu pada tahun ini tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan kos operasi termasuk makanan haiwan.

"Kos makanan dan ubat-ubatan naik menyebabkan harga lembu saiz sederhana mencecah RM6,000 hingga RM6,500 seekor.


"Pada tahun lepas, seekor lembu masih boleh diperolehi pada harga RM4,500 atau RM5,000, tetapi tahun ini kami sudah tidak mampu lagi untuk menampung kos operasi.

"Ditambah pula dengan cuaca panas, haiwan ruminan ini perlu dijaga rapi bagi mengelak penyakit kuku dan mulut yang akhirnya (jika dijangkiti) akan merugikan penternak," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Bukit Tok Beng, Seberang Takir, Syed Abd. Hamid Syed Ali berkata, pembekal menaikkan harga lembu korban menyebabkan pihaknya tiada pilihan lain apabila menetapkan harga RM1,100 untuk satu bahagian.

Kos yang dikenakan itu adalah termasuk upah sembelih dan melapah haiwan.

Di Pontian, Johor, Pengerusi Persatuan Penternak Lembu dan Kambing Negeri Johor, Abd Samad Samiran mengakui berlaku kenaikan harga haiwan korban di negeri ini tahun ini.



KOS penjagaan haiwan seperti makanan meningkat menyebabkan harga lembu korban naik pada tahun ini.

KIRI: Harga yang dikenakan adalah termasuk kos penyembelihan dan melapah haiwan.



Menurutnya, harga seekor lembu korban di Johor tahun ini mencecah sehingga RM6,000 berbanding RM4,500 pada tahun

lepas.

Penternak, Aliffi Abu Khairi, 33, pula memaklumkan, harga seekor lembu untuk tujuan ibadah korban tahun ini adalah RM5,000 ke atas.

"Sebelum ini lembu boleh didapati pada harga RM4,500 hingga RM4,700 seekor, tetapi pada tahun ini penternak sudah tidak mampu lagi untuk menampung kos kenaikan harga makanan lembu yang semakin tinggi ketika ini.

"Biasanya mereka (pembeli) memahami jika kami memberi penerangan tentang punca kenaikan harga lembu korban tahun ini," katanya.

Di Bangi, Selangor, Pengerusi Surau Al-Amin Seksyen 8, Abu Hassan Burok, 65, berkata, terdapat beberapa jenis lembu yang akan dikorbankan pada tahun ini dan harganya pula mencecah sehingga RM18,000 bergantung kepada saiz haiwan.

"Harga seekor lembu untuk tahun ini bermula RM6,000 sehingga RM18,000 seekor mengikut saiz.

"Kebanyakan lembu korban ini diimport oleh pihak ketiga dari luar negara iaitu Kemboja atau Thailand," katanya.

Tambah Abu Hassan, orang tengah memberi alasan kenaikan harga lembu adalah disebabkan kos yang semakin meningkat.

"Semua harga barang naik, kos operasi juga naik lebih-lebih lagi apabila melibatkan urusan eksport," katanya.

Bela lembu amat mencabar sekarang – Penternak

TUMPAT – Peningkatan kos operasi menyebabkan penternak di daerah ini tersepit apabila terpaksa menaikkan harga lembu bagi ibadah korban tahun ini.

Penternak lembu dari Kampung Paloh, Pasir Pekan, Nur Mustaqim Zulbahrin, 26, berkata, menternak haiwan ketika ini begitu mencabar kerana dia hanya memberikan dedak memandang rumpun di kawasan padang atau lapang kering ekoran cuaca panas melampau.

"Meskipun harga seguni dedak 50 kilogram (kg) meningkat daripada RM38 ke RM48 sejak dua bulan lalu, saya cuba untuk tidak menjual lembu atau bahagian korban terlalu mahal.

"Saya juga mahu beribadah semasa berniaga," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Nur Mustaqim bercadang untuk menumbangkan sebanyak 20 ekor lembu ternakannya bagi tujuan tersebut tahun ini.

"Harga yang ditetapkan bermula RM850 hingga RM950 untuk satu bahagian bergantung kepada saiz lembu.

"Harga lembu biasa adalah RM850 (satu bahagian) dan setiap peserta akan memperoleh antara 12 kg hingga 13 kg daging termasuk tulang dan juga organ dalaman.

"Saya turut menternak seekor lembu baka limousine seberat

lebih satu tan. Harga bagi satu bahagian lembu tersebut ialah RM950 dan peserta korban akan memperoleh 20 kg," katanya.

Menurut Nur Mustaqim, biarpun harga lembu korban naik pada tahun ini, lelaki itu bernasib baik kerana masih terdapat individu terdiri daripada penduduk kampung dan kenalan menunjukkan minat untuk menyertai ibadah korban.

"Ini menunjukkan bahawa masih ada yang mahu menyertai korban walaupun mereka terpaksa mengeluarkan belanja lebih asalkan berpuas hati dengan daging yang akan disedekahkan kepada golongan yang memerlukan," kata lelaki itu.



NUR MUSTAQIM meninjau lembu-lembu miliknya bagi memastikan haiwan itu sihat sebelum disembelih pada bulan hadapan.

Cuaca panas cetus pembiakan serangga perosak

Menurut Ee Mong, keadaan suhu panas menyebabkan serangga mudah membiak dan merebak, secara tidak langsung akan menyebabkan kualiti tanaman terutama sayur-sayuran terjejas. - Gambar hiasan



SHAH ALAM - Cuaca panas berlarutan mungkin akan memberi kesan terhadap sumber air mentah, namun yang paling membimbangkan kepada sektor pertanian buat masa ini ialah pembiakan serangga perosak.

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong berkata, keadaan suhu panas menyebabkan serangga mudah membiak dan merebak ke tanaman.

"Jika keadaan panas melampau akan mengakibatkan sumber air tidak mencukupi, namun beberapa hari ini hujan masih lagi turun. Jadi, tiada masalah.

"Tetapi sekarang yang merisaukan kita adalah serangga perosak. Ia mudah merebak dan membiak dengan cepat ketika cuaca panas.

"Jika keadaan ini berlarutan, ia sekali gus akan

menjejaskan sumber saraan kami," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimanapun, tambah Ee Mong, dengan keadaan cuaca panas juga memberi kesan positif seperti sayur-sayuran seperti kekacang, tomato, terung dan timun cepat matang, sekali gus mencapai peningkatan dalam penghasilan.

Tetapi, ujarnya, kekangan dihadapi kini, adalah serangga perosak secara tidak langsung akan menyebabkan kualiti tanaman terjejas.

"Sekarang harga sayur-sayuran tidak meningkat, sebaliknya merosot seperti timun dan kacang panjang.

"Selain itu, pengeluaran sayur-sayuran juga lebih sekali gus mencukupi permintaan, tidak seperti musim hujan lalu, dapat dilihat penghasilan sudah pulih cuma pemasaran masih lemah selain serangan serangga," ujarnya.

6,000 pesawah bimbang hasil padi merosot

Bimbang kemungkinan hasil tanaman padi mereka menyusut lebih 20 peratus akibat cuaca panas

Oleh **MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR**
SUNGAI BESAR

Seramai 6,000 pesawah di Sungai Besar bimbang kemungkinan hasil tanaman padi mereka menyusut lebih 20 peratus akibat cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar, Sallehuddin Mohd Iskan berkata, meskipun hasil tanaman belum dituai di kawasan itu, namun beberapa kawasan di sekitar Tanjong Karang mengalami penyusutan hasil.

Menurutnya, keadaan itu berpunca daripada taburan hujan rendah yang me-



Sallehuddin (berdiri) beramah mesra bersama tetamu yang hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri PPK Sungai Besar pada Rabu.

nyebabkan padi kekurangan berat selain faktor serangan penyakit padi dan serangga perosak.

"Kebiasaannya pesawah di kawasan berhampiran (Tanjong Karang) mampu memperoleh hasil pengeluaran padi antara sembilan sehingga 10 tan, namun keadaan ini dijangka merosot," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri PPK itu di sini pada Rabu.

Sallehuddin berkata, keadaan yang

berlaku di kawasan pengairan Tanjong Karang dikhuatiri turut sama berlaku di Sungai Besar.

Menurutnya, kawasan sawah padi di Sungai Besar berkeluasan kira-kira 6,000 hektar meliputi mukim Panchang Bedena, Sungai Panjang dan sebahagian Pasir Panjang.

Katanya, isu penyusutan pengeluaran hasil dialami pesawah bukan isu baharu, malah ia berlanjutan sejak 14 musim tuaian akibat penyakit padi.

"Cuaca panas ketika ini menambah kesulitan sedia ada dan berharap kerajaan dapat membantu bagi menyelesaikan isu berkenaan," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, PPK Sungai Besar dijangka membina sebuah lagi pusat pembelian padi bagi membantu pesawah menjual hasil terus kepada PPK.

"Kita mempunyai dua pusat belian padi di Parit 12 dan Parit 9 dan sebuah lagi pusat belian yang dijangka dapat beroperasi tahun ini," jelasnya.

Katanya, semua pusat belian padi mampu membeli sehingga 5,000 tan metrik hasil pengeluaran.

INFO HARGA BARANG MINGGU INI

BARANG	KUALA LUMPUR	JOHOR	KELANTAN	KEDAH
Ayam proses standard	RM9.60	RM10.50	RM10.50	RM10.00
Bawang merah besar India	RM3.40	RM4.00	RM5.00	RM4.50
Bawang merah kecil India	RM5.25		RM4.50	RM7.00
Cili merah Kulai	RM13.00	RM14.50	RM12.00	RM15.00
Kangkung	RM4.25	RM5.50	RM5.00	RM4.50
Kubis bulat tanah tinggi	RM4.25	RM5.75	RM4.00	RM4.00
Sawi hijau	RM7.75	RM7.50	RM7.00	RM8.00

Maklumat ini disediakan oleh FAMA